

# Hadapi Covid-19 dengan mengarahkan pandangan kepada Salib Yesus

KENINGAU: Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan seluruh Gereja di Malaysia tidak dapat merayakan Minggu Suci dan perayaan Paskah bersama umat Katolik yang lain di Gereja.

Uskup Cornelius Piong dalam pesan pastoralnya bertarikh 28 Mac 2020 menyeru umat di Keuskupan Keningau agar

mengadapi gejala Covid-19 dengan terus membaiki kualiti iman, menghayati kesengsaraan Yesus, "agar kita dibantu memiliki kualiti iman yang lahir dari pengalaman pengorbanan sebenar seperti yang dituntut oleh Yesus, agar sesiapa yang mahu mengikut-Nya "**jangan mementingkan diri sendiri, memikul salib setiap hari dan mengikut Aku**" (Luk. 9:23).

Uskup Cornelius juga mengatakan, pada masa PKP ini, "juga adalah kesempatan bagi kita membaharui dan memperbaiki tanggungjawab kita terhadap sesama kita manusia. Keadaan ini membantu kita memikirkan bagaimana kita menjadi peka terhadap keperluan sesama kita."

Baca surat pastoral Uskup Cornelius di bawah:

*Rev. Fathers, Religious Brothers dan Sisters, Seminarians, Komuniti ISKB, Pengerusi dan ahli-ahli TPK, MPP, MPM, KWK, KBK, KKD, Komiti Komuniti dan Saudara Saudari yang saya kasih dalam Kristus,*

Tempoh perintah kawalan pergerakan sedang berkuat kuasa. Kawalan pergerakan ini sudah tentu menjejaskan perjalanan Perayaan Paskah kita pada tahun ini yang kita sambut mulai dari Hari Minggu Palma, Khamis Suci, Jumaat Agung, Malam Paskah dan Hari Raya Paskah. Perayaan-perayaan ini kita tidak dapat rayakan bersama beramai-ramai seperti di masa lalu pada tahun ini. Memang kita merasa sedih tetapi kita terima keadaan ini dengan yakin bahawa Yesus tetap hadir dan menyertai kita. Gereja itu bukan semata-mata bangunan dan jumlah ramainya umat tetapi Gereja adalah bersifat komuniti dan bermula dalam keluarga, Gereja Rumah (LG Art 11).

Pengalaman merayakan Tri-Hari Paska (Khamis Putih, Jumaat Agung, Vigili dan Perayaan Paskah) dengan suasana sunyi dan sepi akan membantu kita mengalami pengalaman Yesus sendiri di Taman Getsemani, pengadilan-Nya di hadapan Pilatus, ketika memikul salib dan waktu Dia disalibkan demi mentaati kehendak Bapa dalam menebus kita umat manusia dari kekuasaan dosa.

Sebenarnya membangun iman sejati perlu melibatkan pengalaman. Mungkin selama ini kita mendasarkan iman Kristiani kita lebih kepada ritual, perhimpunan umat, bangunan gereja yang hebat, kehebatan khotbah dan perkara-perkara luaran tetapi kita belum mengalami sendiri apa yang dialami Yesus — sengsara dan wafat sebelum kebangkitan-Nya — dalam mentaati kehendak Bapa yang mengutus-Nya. Semoga apa yang kita alami dalam menghadapi gejala Covid-19 ini membantu kita turut serta mengalami kesengsaraan Yesus agar kita dibantu memiliki kualiti iman yang lahir dari pengalaman pengorbanan se-



Tarikh : 28 Mac 2020

## Surat Pastoral

Ruj : SP/BCP/MAC/2020

benar seperti yang dituntut oleh Yesus, agar sesiapa yang mahu mengikut-Nya "**jangan mementingkan diri sendiri, memikul salib setiap hari dan mengikut Aku**" (Luk. 9:23).

Dalam masa yang sukar dan menakutkan ini sudah tentu kita terikat merasa risau dan takut. Pelbagai pertanyaan akan timbul dan merisaukan kita. Apa pun pertanyaan-pertanyaan yang timbul dalam fikiran kita yang membuatkan kita takut marilah kita mengarahkan pandangan hidup dan iman kita kepada Yesus yang lebih dahulu telah mengalami ketakutan, kesengsaraan, kematian tetapi kini hidup kembali, hadir dan menyertai kita. Marilah kita juga mengarahkan pandangan hidup dan iman kita kepada Bonda Maria. Semasa menyambut perayaan Khabar Sukacita pada 25hb Mac yang lalu Sabda Tuhan yang sangat menonjol bagi saya adalah "**jangan takut**" (Luk 1:30) dan "**bagi Tuhan tiada perkara yang mustahil**" (Lk. 1:37). Sabda Tuhan inilah yang memampukan Bonda Maria menjawab panggilan dan misinya dengan penuh keyakinan dan komitmen. Bagaimana dengan kita dalam keadaan yang menakutkan ini?

Sri Paus Fransiskus dalam pesannya pada 27 Mac 2020 yang lalu mengingatkan kita umat tentang peristiwa yang dialami oleh murid-murid Yesus sewaktu mereka dipukul oleh angin ribut dalam pelayaran mereka bersama Yesus dalam sebuah perahu. Dalam keadaan yang sangat menakutkan itu murid-murid-Nya merasa bahawa Yesus tidak ambil peduli. Namun apabila mereka memanggil Dia, Yesus meredakan angin dan menenangkan ombak. Sesudah itu Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya, "**mengapa kamu ta-**

**kut, mengapa kamu masih belum percaya kepada-Ku?**" (Mk. 4: 40)

Saudara saudari, sebagai anggota-anggota Gereja yang sedang dalam perjalanan atau pelayaran bersama dengan Yesus Kristus, pertanyaan Yesus ini adalah relevan untuk kita semua dalam keadaan penularan wabak Covid-19 yang menakutkan ini. Mengapakah kamu takut? Mengapa kamu masih belum percaya kepada-Ku?

Dalam masa Pra-Paskah ini dan lebih-lebih sepanjang Minggu Suci, marilah kita sama-sama — para Paderi, Religius dan Institusi Sekular, Katekis serta Umat Awam — dengan rendah hati memohon agar Iman dan keyakinan kita terhadap Yesus yang hadir dan menyertai kita dikuatkan dan dimantapkan lagi. Tuhan Yesus hadir, menyertai dan ambil peduli terhadap kebajikan kita, oleh itu jangan takut.

Saudara saudari, dalam masa kawalan pergerakan ini marilah kita sama-sama gunakan kesempatan ini untuk menyedarkan diri, merenung kembali relasi cinta kasih kita dengan Tuhan. Apakah selama ini, sebelum Covid-19, kita "*take for granted*" atau bersikap tidak menghargai-Nya kerana kita merasa kita mampu menjalankan hidup tanpa Dia? Dalam masa yang menakutkan ini apakah kita masih yakin dengan kemampuan manusiawi kita? Masa inilah kesempatan bagi kita membaharui dan menetapkan kesatuan kita dengan Yesus kerana Dia sendiri berpesan, "**tanpa Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa**", (Yoh.15:4-5).

Masa ini juga adalah kesempatan bagi kita membaharui dan memperbaiki tanggungjawab kita terhadap sesama kita manusia. Keadaan ini membantu kita memikirkan

bagaimana kita menjadi peka terhadap keperluan sesama kita. Misalnya kita ikut arahan supaya kita duduk di rumah agar kita dapat membantu memutuskan rantai penularan dan jangkitan virus Corona Covid-19 ini. Jangan hanya pentingkan diri sendiri. Masa ini juga adalah kesempatan kita menyedari dan menghargai betapa pentingnya keharmonian alam ciptaan Tuhan. Semua ada penyebab dan akibatnya. Misalnya kita percaya virus Covid-19 adalah akibat dari penyalahgunaan teknologi untuk kepentingan diri sendiri atas nama kemajuan.

Namun begitu kita juga harus melihat sudut positif yang diakibatkan oleh virus Covid-19 ini. Apabila seluruh dunia menguatkuasakan pergerakan terhad atau "*lockdown*" pencemaran alam telah dapat dikurangkan dengan ketara sehingga lapisan ozon bumi memperlihatkan pemulihan dan penyembuhan dengan sendirinya. Keluarga yang selama ini tidak dapat disatukan kerana kesibukan harian dapat duduk di rumah bersama-sama. Kuasa-kuasa besar di dunia nampaknya mengakui keterbatasan masing-masing dan mulai memandang kepada Tuhan untuk mohon pertolongan.

Dengan rendah hati kita berdoa dan mohon bimbingan Roh Kudus agar kita disedarkan dan bertindak memperbaiki relasi dan tanggungjawab kita terhadap Tuhan, sesama kita manusia dan alam ciptaan Tuhan yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan kita sehari-hari sebagai murid-murid Yesus.

Sebagai Umat Paskah marilah kita hadapi keadaan ini dengan sehati sefikiran dan sentiasa mengarahkan pandangan kita kepada Yesus di Salib dan kepada Bonda Maria.

*"Kebahagiaan Adalah Kekitaan"*

+Bishop Datuk Cornelius Piong

## Uskup Pulau Pinang beri Absolusi Umum pada Jumaat Agung

31 Mac 2020,

Kepada Umat Tuhan,

Saya mengucapkan terima kasih kepada anda di atas doa perpaduan yang meliputi seluruh dunia melalui inisiatif peribadi dan komunal dalam masa cabaran dan ketidak-tentuan ini.

Memandangkan langkah-langkah penguatkuasaan lebih ketat ke atas Pergerakan Kawalan Perintah (PKP) berkuat kuasa pada 1 April 2020, maka saya tidak lagi melakukan siaran langsung Misa termasuk Misa untuk Minggu Suci. Namun begitu, setiap hari dalam Misa peribadi saya, saya akan berdoa dan memberkati anda semua. Ada juga alternatif lain untuk orang ramai mengikuti Misa secara siaran langsung yang boleh diakses secara meluas.

Dengan bimbingan Roh Kudus dan Yesus yang ada pada kita, saya berikan anda "*Holy Week Kit 2020*" (<http://nbvmscic.org/2020/03/penang-diocese-holy-week-kit-2020/>) Kit ini adalah bertujuan untuk bersama melewati perjalanan dengan anda pada hari-hari Minggu Suci sebagai sebuah keluarga dan isi rumah. Semoga pengalaman baru pada Minggu Suci tahun ini menjadi masa untuk mengukuhkan martabat pembaptisan anda dan mengambil bahagian dalam Ministri Kristus: Imam, Nabi (Guru) dan Raja (Pelayan).



### SURAT PASTORAL PADA MUSIM MINGGU SUCI 2020 UNTUK UMAT TUHAN DALAM DIOSIS PULAU PULAU PINANG

Bagi **General Absolution** (pengampunan bagi yang bertaubat ke atas dosa-dosa mereka tetapi tidak dapat pergi untuk pengakuan), berdasarkan Kanun 961 dan prinsip moral epikeia, khas pada masa wabak ini, saya, sebagai Bapa Uskup anda, akan memberikan **General Absolution** (Absolusi secara umum) kepada semua penganut Katolik di Diosis Penang (Kedah, Perlis, Perak, Kelantan, Pulau Pinang) pada Jumaat Agung nanti pada jam 3.00 petang mengikut syarat-syarat yang disebutkan di bawah:

lusi secara umum) kepada semua penganut Katolik di Diosis Penang (Kedah, Perlis, Perak, Kelantan, Pulau Pinang) pada Jumaat Agung nanti pada jam 3.00 petang mengikut syarat-syarat yang disebutkan di bawah:

- Untuk bertaubat sepenuh hati dari segala dosa
- Untuk memuliakan salib yang sedia ada di ruman anda (juga boleh menjadi rosari, loket) atau jika anda tidak mempunyai salib, anda boleh memuliakan salib dalam hati anda.
- Untuk menyebut tujuh (7) kali, "Tuhan Yesus, rahmatilah aku orang berdosa ini" yang berfungsi sebagai penubuhan dosa anda.

Pada hari Jumaat Agung itu (10 April 2020), selepas masa yang dinyatakan di atas, berikutnya saya akan memberikan kepada anda kata-kata pengampunan oleh Kuasa yang diberikan kepada saya "**Bapa penuh Rahmat, melalui Kematian dan Kebangkitan Anak-Nya diperdamaikan dunia kepada-Nya. Melalui Ministri Gereja, semoga Tuhan memberikan anda Keampunan dan Kedamaian dan saya mengampuni segala dosa-dosamu, dalam Nama Bapa, dan Putera dan Roh Kudus**". "AMEN"

Semoga Minggu Suci anda dipenuhi oleh Roh Tuhan, Kegembiraan dan Berkat oleh Paskah Agung nanti.

Ikhlis dalam Kristus,

*Sebastian Francis*

Rt. Rev. Sebastian Francis  
Bishop of Penang